

Muzium Lebanon pameran koleksi makam purba

MUZIUM Nasional Beirut, Lebanon telah membuka tingkat bawah tanahnya buat pertama kali dalam tempoh empat dekad bagi menunjukkan seni pengebumian purba kepada orang ramai.

Ia termasuk koleksi terbesar *sarcophagi antropoid*. Dari segi istilah, frasa tersebut bermaksud keranda batu yang biasanya dihiasi ukiran atau tulisan yang dikaitkan dengan tamadun purba Mesir, Rom dan Greece.

Sesetengahnya tidak pernah didedahkan kepada umum sebelum ini. Sejumlah 520 bahan pameran dipertontonkan bermula sejak zaman Paleolitik hinggalah ke era Empayar Uthmaniyyah.

Ia termasuk bongkah batu dipahat perkataan serta mesej silam di samping mumia zaman pertengahan Kristian dalam keranda panjang yang dikaitkan dengan golongan elit.

Pengarahnya, Anne-Marie Maïla Afeiche berkata, muzium arkeologi tersebut terpaksa



MUMIA wanita dan kanak-kanak ini ditemui dalam sebuah gua di Lembah Qadisha pada tahun 1989 dengan persalinan bersulam sutera yang dipakai masih utuh.



LUKISAN berwarna pada makam bawah tanah ini dijumpai di Tyre yang terletak di selatan Lebanon.



RANGKA zaman Neolitik ini dipercayai dikebumikan menggunakan kaedah kubur buaian.

bahagian bawah tanah bersama pakar-pakar arkeologi termasuk Antonio Giannarusti.

Maklumat lengkap

Pameran baharu itu menyediakan turut maklumat lengkap mengenai teknik pengebumian menggunakan pelbagai medium seperti buaian kubur dan tempatan berdasarkan garis waktu dari zaman Neolitik 6,000 Sebelum Masihi.

"Kami mendapati tempayan yang menyimpan abu mayat dihiasi wajah Virgin Mary. Kami

Kosmo
9/11/16
MIS-25

ditutup sejak 1970-an ketika bandar tersebut dibadai perang saudara pada tahun 1975.

Ia telah diubah suai akibat mengalami kerosakan kesan peperangan dan dibuka semula pada tahun 1990-an. Begitupun bahagian pameran bawah tanah terus ditutup sehingga dibuka semula baru-baru ini.

“Pembukaan semula bahagian terlibat adalah suatu pengajaran buat kita. Ia melambangkan keberanian dan harapan. Hari ini kita mampu menerima pelawat di ketiga-tiga tingkat muzium ini,” katanya.

Antara khazanah yang mencuri tumpuan ialah serpihan keranda Roman yang ditemui di Beirut. Ia dikaitkan dengan kisah mitos Icarus iaitu putera kepada Raja Dedalus yang membuat sayap daripada bulu dan lilin untuk anaknya.

Satu lagi permata berharga muzium itu ialah Hypogeum iaitu sebuah makam bawah tanah yang dijumpai secara tidak sengaja oleh seorang petani di wilayah Tyre yang terletak di selatan Lebanon pada 1937.

Makam itu ditutupi lukisan dinding yang diilhamkan daripada mitologi Yunani. Turut dipaparkan dalam karya tersebut adalah babak Raja Priam melutut sambil merayu kepada Achilles supaya mayat anaknya, Hector dikembalikan.

Muzium baharu

Ketika itu, Achilles yang membunuh Hector dalam Perang Trojan ingin menjadikan mayat putera raja itu sebagai makanan anjing. Namun, dia membatalkan niatnya kerana tindakan raja negara Troy itu.

Walaupun ruangan bawah tanah itu telah dibuka, muzium itu sebenarnya masih menyimpan banyak tinggalan sejarah yang belum diperlihatkan kepada khayalak.

Disebabkan itu, menteri kebudayaan Lebanon bercadang membuka muzium bersejarah baharu di Beirut di samping dua lagi lokasi lain iaitu di bandar Sidon dan Tyre.

Anne-Marie menambah, adalah penting menunjukkan kepada orang ramai warisan tinggalan yang digali di seluruh

Kristian Maronit ketika era pemerintahan Mamluk dan Byzantine. Kristian Maronit merujuk kepada jemaah Gereja Maronit dan mereka dikatakan mewakili 22 peratus dan populasi penduduk Lebanon.

“Dua daripada 11 mumia yang ditemui menyangkut pakaian wanita dan kanak-kanak dengan sulaman sutera yang dipakai sejak abad ke-13 masih utuh.

“Di sekeliling mereka terdapat kacang, kulit bawang, alat gangsa dan dokumen yang ditulis dalam bahasa Arab dan Syriac (bahasa Syria kuno),” ujarnya.

Pengarah Akademi Eropah, Bozen Bolzano yang merupakan pusat penyelidikan swasta, Marco Samadelli menyifatkan penemuan itu sebagai jarang-jarang berlaku di negara yang tidak mengamalkan tradisi mumia seperti Lebanon.

Itali menyumbang AS\$1.1 juta (RM423 juta) bagi projek memulihkan ruangan

percaya ia adalah penampilan Virgin Mary yang tertua ditemui di negara ini.

“Penemuan yang kami anggap terbesar adalah sebuah lagi makam bawah tanah dari Tyre dengan lukisan yang mengingatkan kami tentang laman arkeologi di Pompeii yang berada di selatan Itali.

“Satu daripada sisi makam tersebut tercoret inskripsi: Jadi berani, tiada siapa yang hidup selama-lamanya,” tutur Anne-Marie. – AFP



PERDANA Menteri Lebanon, Tammam Salam (kiri) dan Menteri Luar Itali, Paolo Gentiloni melihat artifak yang dipamerkan semasa majlis perasmian ruang bawah tanah Muzium Nasional Beirut baru-baru ini.